

20 JAN 2003

S'pura-Utusan/I

ISU AIR MENYAKSIKAN ULANGAN, S'PURA MEMBIDAS RENCANA UTUSAN

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 20 Jan (Bernama) -- Akhbar Straits Times, milik Singapore Press Holdings, membidas rencana Utusan Malaysia yang didakwa menuduh Singapura mengaut keuntungan melalui air yang dibelinya daripada Malaysia.

"Terdapat bukti yang cukup bahawa Johor yang sebenarnya beruntung daripada air bersih yang diperolehinya dari Singapura," kata akhbar Straits Times dalam ulasannya yang bertajuk 'What The Paper Didn't Say' sebagai respons kepada beberapa rencana Utusan baru-baru ini mengenai perjanjian bekalan air antara Singapura dan Malaysia.

Menurut akhbar Straits Times: "Akhbar itu (Utusan) menuduh Singapura mengaut keuntungan melalui bekalan air yang dibelinya dari Malaysia. Tuduhan ini dibuat berdasarkan kepada harga air yang dibekalkan kepada kapal-kapal yang berlabuh di pelabuhan republik ini."

Air yang dijual kepada kapal-kapal, menurut akhbar itu, mewakili kurang satu peratus daripada penggunaan tahunan di Singapura," dan oleh itu tiada alasan untuk mengangap bekalan air ini datang dari Sungai Johor, ataupun Pierce Reservoir."

Menjelaskan daripada perspektif Singapura mengenai isu itu, akhbar Straits Times berkata di bawah terma-terma perjanjian 1961 dan 1962, Johor berhak membeli sebanyak 15 juta gelen air yang telah dirawat setiap hari, pada kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen.

Bagaimanapun negeri itu membeli sebanyak 37 juta gelen air (lebih 22 juta daripada yang haknya) dan menjual kepada penduduknya pada harga RM3.95 bagi setiap 1,000 gelen.

"Memandangkan Singapura perlu menanggung kos RM2.40 untuk merawat 1,000 gelen air, pembayar cukai di Singapura sebenarnya memberi subsidi kepada Johor hampir RM1.90 bagi setiap 1,000 gelen, sementara kerajaan Johor mengaut keuntungan sebanyak RM3.45."

"Sebenarnya atas alasan inilah kerajaan Malaysia tidak mahu merundingkan semula harga air pada 1986 atau 1987 seperti yang sepatutnya, bukan kerana semangat "kejiranan" seperti yang dikatakan oleh Utusan," kata akhbar Straits Times.

Akhbar Straits Times juga memetik Speaker Dewan Undangan Negeri Johor Zainalabidin Mohamed Zin sebagai berkata pada 3 Julai lepas bahawa Kerajaan Negeri Johor tidak melakukan kesilapan dalam tidak membuat kajian semula pada 1986.

"Tiada gunanya berbuat demikian, kata beliau, kerana Johor bergantung kepada Singapura bagi air yang dirawatnya dan Singapura sudah pasti akan menaikkan harga jika Johor mengenakan bayaran yang lebih bagi air mentah."

Ia juga memetik kenyataan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Okt lepas yang berkata Malaysia tidak meminta kajian semula harga pada 1986 kerana Singapura akan bertindakbalas dengan mengkaji semula harga air yang dirawat itu.

"Utusan suka mengembar-gemburkan mengenai keengganan Singapura mempertimbangkan kajian semula. Ia bagaimanapun gagal menyatakan bahawa republik itu pada satu ketika bersedia untuk melakukannya - jika perkara itu dirundingkan sebagai sebahagian daripada pakej isu-isu termasuk bekalan air selepas 2061.

"Itulah asas perjanjian sementara yang dicapai oleh Menteri Kanan Lee Kuan Yew bersama Dr Mahathir pada September 2001. Singapura bersetuju membayar 45 sen bagi air yang dibeli di bawah perjanjian semasa; dan menerima tawaran Malaysia sebanyak 60 sen bagi air mentah selama 100 tahun

selepas 2061, dengan harganya dikaji semula setiap lima tahun berdasarkan kepada faktor inflasi."

Menurutnya "60 sen adalah tawaran Dr Mahathir, bukan sesuatu yang Lee katakan dengan tiba-tiba, dan ianya diakui oleh pemimpin Malaysia itu baru-baru ini. Dr Mahathir berkata beliau mengubah fikirannya kemudian apabila para pegawai memberitahunya Malaysia boleh mendapat harga yang lebih tinggi."

Akhbar Straits Times hari ini, dengan tajuknya `History of water according to Utusan Malaysia (Sejarah Air Menurut Utusan Malaysia),' menyertakan petikan daripada rencana-rencana Utusan, yang "memberi penjelasan mengenai pandangan Malaysia berhubung perjanjian itu, pandangan mereka terhadap sejarah, serta persepsi mereka mengenai alasan bagi kebuntuan sekarang ini dalam rundingan air."

Artikel-artikel yang dirujuk ialah : `Free Water for Singapore" (Air Percuma Bagi Singapura) (6 Jan), "Serve the notice so as to take over water plants (Keluarkan Notis Untuk Ambil Alih Loji Air (7Jan 7); dan "The fact is that it should be after 25 years (Hakikatnya Ia harus Dibuat Selepas 25 Tahun) (8 Jan).

-- BERNAMA

SS PR